



**BAHAGIAN KESELAMATAN INDUSTRI  
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA**

**PANDUAN PERMOHONAN KELULUSAN PENGUBAHAN  
REKA BENTUK DANDANG STIM  
2025**

# Kandungan

1.0 PENDAHULUAN	3
2.0 PUNCA KUASA	3
3.0 TAFSIRAN	3
4.0 SKOP PENGUBAHAN	4
5.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN	5
6.0 PANDUAN MENGISI BUTIRAN PERMOHONAN	7
7.0 DOKUMEN PERMOHONAN	11
8.0 PEMAKLUMAN	14
9.0 FI	15
10.0 PIAGAM PELANGGAN	15

## 1.0 PENDAHULUAN

Panduan ini disediakan untuk rujukan pelanggan semasa membuat permohonan kelulusan pengubahan reka bentuk dandang stim oleh pemohon secara atas talian melalui sistem MySKUD. Ini bagi memastikan pemohon mendapat panduan yang tepat dan jelas serta memenuhi syarat-syarat permohonan.

## 2.0 PUNCA KUASA

Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024 (Peraturan LYMPK 2024) diperuntukkan di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, Seksyen 27B iaitu Menteri boleh menetapkan mana-mana loji yang baginya suatu perakuan kelayakan dikehendaki. Peraturan ini mula **berkuatkuasa mulai 1 Jun 2024**.

Pembangunan panduan ini adalah berdasarkan Seksyen 27C, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 di mana Ketua Pengarah boleh menetapkan terma dan syarat yang perlu dipatuhi.

## 3.0 TAFSIRAN

Menurut Peraturan 2, Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024;

- a) dandang stim ertinya ertinya mana-mana bejana tertutup bagi apa-apa maksud yang stim dihasilkan di bawah tekanan yang lebih besar daripada tekanan atmosfera dan termasuklah mana-mana penjimat haba yang digunakan untuk memanaskan air yang disalurkan kepada bejana dan mana-mana pemanas lampau yang digunakan untuk memanaskan stim dan apa-apa paip dan pemasangan yang disambungkan kepada bejana tertutup itu.
- b) Permukaan pemanasan adalah jumlah permukaan semua plat dan tiub yang satu permukaannya terdedah kepada haba dan satu bahagian bersentuhan dengan air pada sebelah yang lain, ukuran dikira pada bahagian air atau api, mana-mana yang lebih besar, dan tidak termasuk permukaan pemanasan mana-mana penjimat haba dan pemanas lampau yang disambungkan kepadanya.
- c) Pengubahan dandang stim ertinya apa-apa perubahan kepada;
  - (i) reka bentuk yang boleh menjejaskan kekuatan, integriti atau keupayaan fungsi dandang stim;
  - (ii) tekanan kerja selamat atau/dan suhu reka bentuk yang menjejaskan integriti bagi dandang stim.

## 4.0 SKOP PERMOHONAN

Permohonan pengubahan dandang stim terbahagi kepada empat skop.

### 4.1 SKOP 1: PENGUBAHAN (UBAHSUAI)

- a) Skop kerja-kerja pengubahan yang telah ditetapkan Jabatan adalah kerja-kerja yang melibatkan aktiviti memotong, kimpalan, menampung atau meribet bahagian yang bertekanan yang boleh menjejaskan kekuatan, integriti atau keupayaan fungsi dandang stim:
- b) Berikut adalah contoh pengubahan yang dimaksudkan dan tidak terhad kepada:
  - i) penggantian bahan pada bahagian yang bertekanan yang mana tegasan dibenarkan (*allowable stress*) adalah kurang daripada bahan asal dengan syarat memenuhi standard yang diiktiraf. Contoh bahan binaan asal *carbon steel* (SA 516 Gr 70) kepada *carbon steel* (SA 516 Gr 55).
  - ii) penggantian bahan pada bahagian yang bertekanan yang berbeza daripada bahan asal dengan syarat memenuhi standard yang diiktiraf. Contoh bahan binaan asal *carbon steel* (SA 516 Gr 60) kepada *stainless steel* (SA 240 Gr 316).
  - iii) penambahan *nozzle*.

### 4.2 SKOP 2: PENGUBAHAN (PENJIMAT HABA DAN PEMANAS LAMPAU)

- a) Skop kerja-kerja pengubahan yang telah ditetapkan Jabatan adalah kerja-kerja yang melibatkan penambahan penjimat haba atau/dan pemanas lampau pada dandang stim yang telah berdaftar dengan JKKP dan telah mempunyai perakuan kelayakan.

### 4.3 SKOP 3: PENGUBAHAN (PERKADARAN SEMULA)

- a) Skop pengubahan (perkadaran semula) adalah apa-apa pengubahan kepada tekanan kerja selamat atau/dan suhu reka bentuk yang boleh menjejaskan integriti dandang stim.
- b) Bagi proses penurunan tekanan, suhu atau keduanya, ia tidak termasuk dalam permohonan pengubahan (perkadaran semula) kerana proses tersebut di bawah bidang kuasa JKKP Negeri.

### 4.4 SKOP 4: PENGUBAHAN (UBAHSUAI DAN PERKADARAN SEMULA)

- a) Gabungan permohonan pengubahan pada Skop 1, 2 dan 3.

## 5.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

Setiap dokumen yang dikemukakan mestilah dalam **Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris**. Sebarang terjemahan yang dibuat hendaklah dilakukan oleh pengilang atau Institusi terjemahan yang diiktiraf.

### 5.1. SKOP 1: PENGUBAHAN (UBAHSUAI)

- a) Skop permohonan hanya terpakai bagi dandang stim yang diubah oleh **pengilang asalan atau orang kompeten (syarikat)** dandang stim yang berdaftar dengan Jabatan.
- b) **Hanya pemunya atau Orang Kompeten (Syarikat) yang menjalankan kerja perubahan tersebut sahaja** yang boleh membuat permohonan kelulusan perubahan. Pemohon hendaklah menyatakan dengan jelas pada surat permohonan cadangan perubahan yang ingin dijalankan ke atas dandang stim.
- c) Reka bentuk, bahan, pembinaan, kualiti pelaksanaan, pemeriksaan dan pengujian dandang stim hendaklah mematuhi standard yang diiktiraf mengikut edisi atau pindaan yang terkini seperti yang disenaraikan dalam Jadual Keempat, Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024 dan diperakui oleh badan pemeriksaan yang diberi kuasa.
- d) Permohonan kelulusan perubahan reka bentuk perlu memenuhi keperluan dokumen seperti yang dinyatakan dalam **Dokumen A**.

### 5.2. SKOP 2: PENGUBAHAN (PENJIMAT HABA DAN PEMANAS LAMPAU)

- a) **Hanya pemunya atau Orang Kompeten (Syarikat) yang menjalankan kerja perubahan tersebut sahaja** yang boleh membuat permohonan kelulusan perubahan untuk penambahan penjimat haba atau / dan pemanas lampau pada dandang stim. Pemohon hendaklah menyatakan dengan jelas pada surat permohonan cadangan perubahan yang ingin dijalankan ke atas dandang stim.
- b) Reka bentuk, bahan, pembinaan, kualiti pelaksanaan, pemeriksaan dan pengujian dandang stim hendaklah mematuhi standard yang diiktiraf mengikut edisi atau pindaan yang terkini seperti yang disenaraikan dalam Jadual Keempat, Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024 dan diperakui oleh badan pemeriksaan yang diberi kuasa.
- c) Permohonan kelulusan perubahan reka bentuk perlu memenuhi keperluan dokumen seperti yang dinyatakan dalam **Dokumen B**.

### 5.3. SKOP 3: PENGUBAHAN (PERKADARAN SEMULA)

- a) Hanya **pemunya sahaja** yang boleh membuat permohonan kelulusan perubahan (perkadaran semula). Pemohon hendaklah menyatakan dengan jelas pada surat permohonan cadangan perubahan (perkadaran semula) yang ingin dijalankan ke atas dandang stim.
- b) Pemohon perlu menyediakan plat nama yang baharu yang mengandungi maklumat terkini berkenaan suhu / tekanan reka bentuk yang dikadar semula.
- c) Permohonan kelulusan perubahan reka bentuk perlu memenuhi keperluan dokumen seperti yang dinyatakan dalam **Dokumen C**.

### 5.4. SKOP 4: PENGUBAHAN (UBAHSUAI DAN PERKADARAN SEMULA)

- a) Skop permohonan hanya terpakai bagi dandang stim yang diubah oleh **pengilang asalan atau orang kompeten (syarikat)** dandang stim yang berdaftar dengan Jabatan.
- b) **Hanya pemunya atau Orang Kompeten (Syarikat) yang menjalankan kerja perubahan tersebut sahaja** yang boleh membuat permohonan kelulusan perubahan. Pemohon hendaklah menyatakan dengan jelas pada surat permohonan cadangan perubahan yang ingin dijalankan ke atas dandang stim.
- c) Pemohon perlu menyediakan plat nama yang baharu yang mengandungi maklumat terkini berkenaan suhu / tekanan reka bentuk yang dikadar semula.
- d) Reka bentuk, bahan, pembinaan, kualiti pelaksanaan, pemeriksaan dan pengujian dandang stim hendaklah mematuhi standard yang diiktiraf mengikut edisi atau pindaan yang terkini seperti yang disenaraikan dalam Jadual Keempat, Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024 dan diperakui oleh badan pemeriksaan yang diberi kuasa.
- e) Permohonan kelulusan perubahan reka bentuk perlu memenuhi keperluan dokumen seperti yang dinyatakan dalam **Dokumen D**.

## 6.0 PANDUAN MENGISI BUTIRAN PERMOHONAN

Maklumat permohonan kelulusan pengubahan reka bentuk dandang stim oleh pemohon:

BUTIRAN	NOTA PENERANGAN
<b>KATEGORI PERMOHONAN</b>	
1) Kategori Permohonan	Pilih > Pengubahan Reka Bentuk Dandang Stim
<b>PERMOHONAN UNTUK PENGUBAHAN REKA BENTUK DANDANG STIM</b>	
2) Maklumat Sub Permohonan	<p>Pilih &gt; Pengubahan (Ubahsuai) (penambahan penjimat haba atau/dan pemanas lampau juga termasuk skop ubahsuai)</p> <p>Pilih &gt; Pengubahan (Perkadaran Semula) Pilih &gt; Perkadaran Semula Suhu atau Perkadaran Semula Tekanan Reka Bentuk dan Ujian atau kedua-duanya sekali sekiranya permohonan adalah berkaitan.</p> <p>Pilih &gt; Pengubahan (Ubahsuai) dan Pengubahan (Perkadaran Semula) sekiranya permohonan adalah berkaitan.</p>
<b>MAKLUMAT PEMOHON</b>	
3) Nama Pemohon dan Alamat Pemohon*	Pastikan maklumat diisi dengan betul dan tepat.
4) Nama Orang Yang Boleh Dihubungi*	Nama pegawai syarikat yang boleh dihubungi.
5) Jawatan, No. Telefon, Emel*	Isikan maklumat jawatan, nombor telefon dan emel nama pegawai yang dinyatakan di atas.
6) Nama Pegawai Teknikal Boleh Dihubungi*	Nama pegawai teknikal yang bertanggungjawab untuk reka bentuk dandang stim tersebut.
7) Jawatan, No. Telefon, Emel Orang Teknikal Boleh Dihubungi*	Isikan maklumat jawatan, nombor telefon dan emel pegawai teknikal yang dinyatakan di atas.

BUTIRAN	NOTA PENERANGAN
<b>MAKLUMAT DANDANG</b>	
8) Maklumat Dandang*	<p>No. pendaftaran jentera (PMD) untuk jentera pengubahan            Contoh: WP-PMD-12345</p> <p>Permohonan tidak boleh diteruskan jika maklumat jentera tiada dalam sistem.</p> <p>Isikan maklumat kategori dandang dan perihal dandang</p>
9) Model*	Isi maklumat model dandang stim, sekiranya tiada isikan ( - ) jika tidak berkaitan
10) Tahun Dandang Dibina*	Isikan tahun dandang stim dibina
11) No. Siri*	Isi maklumat nombor siri dandang stim
12) Kapasiti (m <sup>3</sup> )*	Isi maklumat kapasiti dandang stim, sekiranya tiada isikan ( - ) jika tidak berkaitan
13) Keupayaan Cairwapan (tan per jam)*	<p>Isikan maklumat keupayaan cairwapan dandang stim</p> <p>Isikan ( - ) jika tidak berkaitan</p>
14) Kuasa (kW)	Isi maklumat kuasa dandang stim, sekiranya tiada isikan ( - ) jika tidak berkaitan
15) No. Lukisan Reka bentuk *	Isikan maklumat semua nombor lukisan reka bentuk berserta dengan revisi dandang stim seperti yang dilampirkan.
16) Skop Ubahsuai*	<p>Sila nyatakan dengan terperinci skop pengubahan termasuk dimensi, kuantiti, spesifikasi bahan dan apa-apa maklumat lain yang berkaitan</p> <p>Contoh (a): Penukaran 10 batang tiub <i>superheater</i> dari SA-192 dengan diameter luaran 70 mm ketebalan 6 mm kepada SA-210-A1 dengan diameter luaran 70 mm ketebalan 5.4 mm.</p> <p>Contoh (b): Penambahan penjimat haba atau / dan pemanas lampau pada dandang stim sedia ada</p>

BUTIRAN	NOTA PENERANGAN
17) Alasan Teknikal (Ubahsuai)*	Sila jelaskan dengan terperinci alasan teknikal perubahan dandang stim. Disokong dengan laporan teknikal (jika ada).
<b>MAKLUMAT PENGILANG ASAL DANDANG</b>	
18) Nama Pembuat*	<p>Nama syarikat yang membina dandang stim</p> <p><b>Nota:</b></p> <p><b>a) Pengilang tempatan</b></p> <p>Isikan nama syarikat dan nombor pendaftaran seperti pada surat kelulusan sebagai orang kompeten yang merupakan pengilang dandang stim yang diluluskan oleh Jabatan dan masih dalam tempoh sah.</p> <p>Contoh: ABC Sdn. Bhd</p> <p><b>b) Pengilang Asalan</b></p> <p>Nama syarikat yang membina dandang stim</p> <p>Contoh: ABC Pvt Limited.</p> <p>Nota:</p> <p>Isikan nama lengkap pengilang dandang stim</p>
19) Alamat Pembuat*	<p>Alamat syarikat yang membina dandang stim</p> <p><b>Nota:</b></p> <p><b>a) Pengilang tempatan</b></p> <p>Isikan alamat seperti pada surat kelulusan sebagai orang kompeten yang merupakan pengilang dandang stim yang diluluskan oleh Jabatan</p> <p><b>b) Pengilang Asalan</b></p> <p>Isikan alamat lengkap pengilang dandang stim</p>
<b>MAKLUMAT PENGILANG ASALAN / ORANG KOMPETEN (SYARIKAT) YANG MENJALANKAN KERJA-KERJA UBAHSUAI</b> <b>*pemohon tidak perlu mengisi bahagian ini untuk permohonan Perubahan (Perkadaran Semula)</b>	
20) Nama pengilang*	<p>Nama syarikat yang membuat kerja perubahan pada dandang stim</p> <p>Contoh: ABC Sdn. Bhd.</p> <p><b>Nota:</b></p>

BUTIRAN	NOTA PENERANGAN
	Isikan nama syarikat dan nombor pendaftaran seperti pada surat kelulusan sebagai orang kompeten dandang stim yang diluluskan oleh Jabatan dan masih dalam tempoh sah.
21) Alamat Pengilang*	<p>Alamat syarikat yang yang membuat kerja pengubahan pada dandang stim</p> <p><b>Nota:</b></p> <p>Isikan alamat seperti pada surat kelulusan sebagai orang kompeten dandang stim yang diluluskan oleh Jabatan</p>
22) Tarikh Lulus dan Tarikh Tamat*	Akan diisi secara automatik oleh sistem.
MAKLUMAT SUHU, TEKANAN REKA BENTUK DAN UJIAN	
23) Tekanan Reka Bentuk dan Ujian Asal*	Isikan maklumat tekanan reka bentuk dan ujian asal bahagian dandang stim atau / dan penjimat haba atau / dan pemanas lampau dalam unit kilopascal (kPa) seperti di lukisan reka bentuk.
24) Tekanan Reka Bentuk dan Ujian Perkadaran Semula	Isikan maklumat tekanan reka bentuk dan ujian perkadaran semula bahagian dandang stim atau / dan penjimat haba atau / dan pemanas lampau dalam unit kilopascal (kPa) seperti di lukisan reka bentuk.
25) Suhu Reka Bentuk Asal *	Isikan maklumat suhu reka bentuk asal bahagian dandang stim atau / dan penjimat haba atau / dan pemanas lampau seperti di lukisan reka bentuk
26) Suhu Reka Bentuk Perkadaran Semula*	Isikan maklumat suhu reka bentuk perkadaran semula bahagian dandang stim atau / dan penjimat haba atau / dan pemanas lampau seperti di lukisan reka bentuk
27) Permukaan pemanasan (m <sup>2</sup> ) *	Isikan jumlah permukaan pemanasan dandang stim
28) Standard yang diiktiraf*	Isikan maklumat standard yang diiktiraf (kod reka bentuk) mengikut edisi atau pindaan yang terkini sepertimana Jadual Keempat, Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024.
29) Badan pemeriksaan yang diberi kuasa*	Pilih maklumat badan pemeriksaan yang diberi kuasa yang diiktiraf Jabatan seperti yang disenaraikan dalam Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024.

BUTIRAN	NOTA PENERANGAN
<b>MAKLUMAT PEMILIK</b>	
30) Nama Pemilik*	Isi maklumat pemilik.
31) Alamat Pemilik*	Isi maklumat alamat pemilik dandang stim.

## 7.0 DOKUMEN PERMOHONAN

Sila muat naik dokumen yang diperlukan untuk permohonan perubahan reka bentuk dandang stim. Dokumen bertanda (\*) adalah wajib.

Bil	Senarai Dokumen Sokongan Ubahsuai dan Perkadaran Semula
<b>Dokumen A: Perubahan (Ubahsuai)</b>	
1.	Surat justifikasi / alasan teknikal untuk menjalankan perubahan *
2.	Sijil penilaian reka bentuk oleh badan pemeriksaan yang diberi kuasa*
3.	Lukisan reka bentuk bagi bahagian yang terlibat dengan perubahan ditentukan oleh badan pemeriksaan yang diberi kuasa*
4.	Kiraan reka bentuk bagi bahagian yang terlibat dengan perubahan menggunakan edisi terkini standard yang diiktiraf yang ditentukan oleh badan pemeriksaan yang diberi kuasa*
5.	Salinan lukisan reka bentuk asal yang diluluskan / diverifikasi *
6.	Salinan surat kelulusan reka bentuk/ verifikasi reka bentuk asal yang diluluskan / diverifikasi *
7.	Salinan perakuan kelayakan yang terkini*
8.	Surat pelantikan orang kompeten (syarikat) yang dilantik daripada pemunya*
9.	Prosedur kerja-kerja perubahan yang akan dijalankan *
10.	Prosedur dan tatacara kimpalan (WPS, PQR, WQT) *

11.	Salinan survey dan inspection report bagi dandang stim yang akan dibuat perubahan
12.	Sijil bahan atau sijil komponen siap yang diganti
13.	Lain-lain dokumen
<b>Dokumen B: Perubahan (Penjimat Haba dan Pemanas Lampau)</b>	
1.	Surat justifikasi / alasan teknikal untuk menjalankan perubahan *
2.	Sijil penilaian reka bentuk oleh badan pemeriksaan yang diberi kuasa*
3.	Lukisan reka bentuk bagi penjimat haba atau / dan pemanas lampau yang ditentukan oleh badan pemeriksaan yang diberi kuasa*
4.	Kiraan reka bentuk bagi penjimat haba atau / dan pemanas lampau menggunakan edisi terkini standard yang diiktiraf yang ditentukan oleh badan pemeriksaan yang diberi kuasa *
5.	Salinan lukisan reka bentuk asal dandang stim yang diluluskan / diverifikasi *
6.	Salinan surat kelulusan reka bentuk/ verifikasi reka bentuk asal dandang stim yang diluluskan / diverifikasi *
7.	Salinan perakuan kelayakan yang terkini*
8.	Surat pelantikan orang kompeten (syarikat) daripada pemunya sebagai pemasang*
9.	Prosedur kerja-kerja perubahan yang akan dijalankan *
10.	Prosedur dan tatacara kimpalan (WPS, PQR, WQT) *
11.	Lain-lain dokumen
<b>Dokumen C: Perubahan (Perkadaran Semula)</b>	
1.	Surat justifikasi / alasan teknikal untuk menjalankan perubahan *
2.	Sijil penilaian reka bentuk oleh badan pemeriksaan yang diberi kuasa *
3.	Lukisan reka bentuk yang melibatkan perubahan tekanan reka bentuk atau / dan suhu reka bentuk baru yang ditentukan oleh badan pemeriksaan yang diberi kuasa*
4.	Kiraan reka bentuk yang melibatkan perubahan tekanan reka bentuk atau/ dan suhu reka bentuk baru menggunakan edisi terkini standard yang diiktiraf yang ditentukan oleh badan pemeriksaan yang diberi kuasa*
5.	Salinan lukisan reka bentuk asal yang diluluskan / diverifikasi *

6.	Salinan surat kelulusan reka bentuk/ verifikasi reka bentuk asal yang diluluskan / diverifikasi *
7.	Salinan perakuan kelayakan yang terkini*
8.	Rekod pemeriksaan ketebalan terkini untuk dandang stim
9.	Laporan pemeriksaan integriti
10.	Rekod operasi dandang stim
11.	Rekod NDT
12.	Lain-lain dokumen
<b>Dokumen D: Pengubahan (Ubahsuai dan Perkadaran Semula)</b>	
1.	Surat justifikasi / alasan teknikal untuk menjalankan pengubahan *
2.	Sijil penilaian reka bentuk oleh badan pemeriksaan yang diberi kuasa*
3.	Lukisan reka bentuk bagi bahagian yang terlibat dengan pengubahan yang ditentukan oleh badan pemeriksaan yang diberi kuasa*
4.	Kiraan reka bentuk bagi bahagian yang terlibat dengan pengubahan menggunakan edisi terkini standard yang diiktiraf yang ditentukan oleh badan pemeriksaan yang diberi kuasa*
5.	Salinan lukisan reka bentuk asal yang diluluskan / diverifikasi *
6.	Salinan surat kelulusan reka bentuk/ verifikasi reka bentuk asal yang diluluskan / diverifikasi *
7.	Salinan perakuan kelayakan yang terkini*
8.	Surat pelantikan orang kompeten (syarikat) yang dilantik daripada pemunya*
9.	Prosedur kerja-kerja pengubahan yang akan dijalankan *
10.	Prosedur dan tatacara kimpalan (WPS, PQR, WQT) *
11.	Salinan survey dan inspection report bagi dandang stim yang akan dibuat pengubahan
12.	Sijil bahan atau sijil komponen siap yang diganti
13.	Rekod pemeriksaan ketebalan terkini untuk dandang stim
14.	Laporan pemeriksaan integriti

15.	Rekod operasi dandang
16	Rekod NDT
17.	Lain-lain dokumen

## 8.0 PEMAKLUMAN

- 8.1 Sebarang permohonan yang tidak lengkap akan ditolak.
- 8.2 Pihak Jabatan boleh menolak permohonan atau menarik balik kelulusan pengubahan reka bentuk dandang stim pada bila-bila masa jika didapati:
- a) Tidak memenuhi atau melanggar mana-mana terma dan syarat yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah berdasarkan Seksyen 27C.(3), Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 seperti yang telah dinyatakan dalam surat kelulusan pengubahan reka bentuk dandang stim; atau
  - b) Memalsukan dokumen dan maklumat permohonan; atau
  - c) Telah melanggar mana-mana syarat lain yang dikeluarkan oleh JKKP dari semasa ke semasa
- 8.3 Setiap dandang stim hendaklah diuji sebagaimana yang ditetapkan dalam kelulusan pengubahan reka bentuk dandang stim setelah siap kerja-kerja pengubahan dan disaksikan oleh Badan pemeriksaan yang diberi kuasa yang diiktiraf Jabatan seperti yang disenaraikan dalam Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024.

## 9.0 FI

Berikut merupakan jenis dan jumlah fi yang perlu dibayar oleh pemohon bagi permohonan pengubahan reka bentuk dandang stim:

BIL	PERKARA	FI (RM)
1.	Pengubahan dandang stim	RM 300

Apa-apa fi yang dibayar bagi permohonan ini tidak boleh dibayar balik.

## 10.0 PIAGAM PELANGGAN

Permohonan yang dikemukakan dengan dokumen lengkap akan diproses dalam tempoh 25 hari bekerja dari tarikh permohonan diterima.

**Unit Dandang Stim**  
**Seksyen Kelulusan Reka Bentuk**  
**Bahagian Keselamatan Industri**  
**Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan**  
**Ruj. Kemaskini: 1/2025**